



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
كلية الدراسات الإسلامية  
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

AL-TURATH  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 1 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-1-2022/>


**Copyright Information:**

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

**Publisher Information:**

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



**ANALISIS KOMPARATIF ḤADĪTH AL-RAḤMAH AL-MUSALSAL BI AL-AWWALIYYAH RIWAYAT QĀDĪ QUḌĀH AL-JIN SHAMHARŪSH AL-ŞAḤĀBĪ**  
**A Comparative Analysis of Ḥadīth Al-Raḥmah Al-Musalsal bi Al-Awwaliyyah Transmitted By Qāḍī Quḍāh Al-Jin Shamharūsh Al-Şaḥābī**

Mohammad Taha Hassan\*<sup>1</sup> & Fadlan Mohd Othman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Calon Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia

\*tahassan\_81@yahoo.co.uk (Corresponding author)

**Abstrak**

Artikel ini bertujuan untuk menilai, membanding dan menjelaskan keabsahan periwayatan ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah yang diriwayatkan oleh dua orang tokoh ahli hadis terkemuka pada abad ke-20 dari Moroko iaitu al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Şiddīq al-Ghumārī (1380 H) dan al-Muḥaddith Muḥammad ʿAbd Al-Ḥayy Al-Kattānī (1382 H/1962 M) yang bersambung rantaian sanad mereka berdua kepada Shamharūsh iaitu perawi jin yang mendakwa dirinya sebagai sahabat Nabi Muhammad SAW. Kajian ini memfokuskan kepada salasilah sanad dan ilmu riwayat hadis berdasarkan disiplin dan konsep yang ditetapkan mengikut kaedah ʿUlūm al-Ḥadīth. Bagi mencapai objektif kajian, reka bentuk kajian yang digunakan ialah dengan menganalisis kandungan teks dan sanad hadis. Penyelidikan ini juga tertumpu kepada sumber hadis, status sahabat dan kaedah penyampaian riwayat seperti yang direkodkan. Hasil kajian mendapati bahawa jalur periwayatan Shamharūsh ini adalah ringkas, paling tinggi dan dekat dengan Rasulullah SAW di zaman mutakhir ini. Namun, hadisnya ditolak kerana masalah latar belakangnya yang *majhūl*.

**Kata kunci:** Shamharūsh, periwayatan jin, Al-Musalsal Al-Awwaliyyah bi Al-Raḥmah, Musnad al-Jin.

**Abstract**

The purpose of this article is to analyse, compare and evaluate the authenticity of ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah narrated by two prominent hadith scholars of the 20th century from Morocco, al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Şiddīq al-Ghumārī (1380 H) and al-Muḥaddith Muḥammad ʿAbd Al-Ḥayy Al-Kattānī (1382 H/1962 M). In their narration, both these scholars reported the chain of authorities to a jinn narrator known as Shamharūsh who allegedly was one of the companion of the prophet Muhammad P.B.U.H. The methodology adopted is based on the science of hadiths, the concept and discipline provided in ʿUlūm al-Ḥadīth, specifically the analyzation of texts and chain of narration. Further studies on the source of hadiths, the status of the companion as well as manner of how the hadiths were recorded were also looked into in achieving the objective of this research. Based on this evaluation, it was found that there was an interruption in the line of reporting by Shamharūsh notwithstanding that the chain of narration is concise and very close to Rasulullah P.B.U.H. On this basis, the hadith was rejected given the unknown background of the narrator.

**Keywords:** Shamharūsh, Jinn tradition, Al-Musalsal Al-Awwaliyyah Bi Al-Raḥmah, Musnad al-Jin.

## PENGENALAN

Tradisi penyampaian dan pengijazahan beberapa hadis musalsal secara urutan atau rantaian sanad yang teratur daripada seorang guru masih dipraktikkan dan berterusan di zaman moden ini. Tumpuan periwayatan hadis musalsal ini ialah menekankan susunan rangkaian perawi dalam sesuatu sanad tentang sifat, cara periwayatan atau hal keadaan ketika diriwayatkan. Sehingga ke hari ini, antara hadis musalsal yang terkenal dan masih disampaikan di kalangan ahlinya ialah pengijazahan ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah. Hadis ini diibaratkan sebagai pendengaran hadis pertama yang disampaikan secara bersambung sanadnya daripada seorang perawi ke perawi yang lain secara berpartisipasi dengan menggunakan beberapa lafaz *al-Adā'* seperti *ḥaddathanā* atau *ḥaddathanī*, *anba'anā* dan *sami'tu*. Periwayatan hadis ini merupakan seruan daripada lidah muḥaddithīn dengan syarat yang tersendiri ketika membuka majlis *tahdīth* dan *amālī* mereka, di samping dengan sokongan *masmū'āt* dan himpunan ijazah dari jalur periwayatan yang lain untuk disampaikan kepada para pelajar yang kebiasaannya diriwayatkan di awal pertemuan mereka. Adapun lafaz dan sifat partisipasi rantaian sanad *al-Awwaliyyah* adalah ungkapan perawi yang bermaksud "*Kami diceritakan oleh fulan dan ia adalah hadis pertama yang saya dengar daripadanya,*" bahawa beliau telah berkata: "*Kami diceritakan oleh fulan dan ia adalah hadis pertama yang saya dengar daripadanya,*" dipraktikkan sehingga ke perawi hadis yang ditentukan di dalam sanad tersebut. Dengan mengaplikasi *ḥadīth al-Raḥmah* atau sifat kasih sayang sebagai medium di awal pertemuan, ia memberi impak dan kesan yang positif kepada penuntut ilmu bahawa asas menuntut ilmu itu adalah berorientasikan kepada ikatan kasih sayang, cinta dan mengeratkan hubungan tali silaturahim, bukan berdasarkan kepada perkelahian, permusuhan dan pemutus hubungan persaudaraan. Hasilnya, ia akan membentuk akhlak yang mulia dan adab berkasih sayang kepada semua makhluk. Dan ungkapan hadis yang disampaikan ketika majlis *tahdīth* dan *amālī* ini ialah:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ

(Al-Tirmidhī, 2000. Sunan Al-Tirmidhī, Kitāb al-Bir Wa al-Ṣilah °An Rasulillāh, Bāb Mā Jā'a Fī Raḥmah al-Muslimīn, 2: 504: 2049)

Maksudnya: "Orang-orang yang pengasih akan dikasihi oleh Allah yang bersifat al-Raḥmān. Kasihanilah makhluk di bumi, nescaya kamu akan dikasihi oleh makhluk yang berada di langit".

Setelah disemak dengan penuh teliti dan cermat, kajian membuktikan bahawa al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī (1380 H) dan al-Muḥaddith Muḥammad °Abd Al-Ḥayy Al-Kattānī (1382 H/1962 M) telah merekodkan di dalam catatan masing-masing beberapa ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah dengan rantaian sanad yang berbeza dan bersambung kepada jin yang bernama Shamharūsh.

Selain itu, kajian juga menemukan periwayatan hadis yang sama tetapi dari sumber jalur yang berbeza selain Shamharūsh seperti yang direkodkan oleh al-Ḥumaidī (Al-Ḥumaidī, 1996. Musnad Al-Ḥumaidī, Aḥādīth °Abdullāh Bin °Amrū Bin al-°Aṣ RA, 1: 503: 62), al-Bukhārī (Al-Bukhārī, t.th. Al-Tārīkh al-Kabīr, Bāb Qābūs, 7: 194: 862), Ibn Abī Shaibah (Al-°Absī, 1409H. Al-Kitāb al-Muṣannaf Fī al-Aḥādīth Wa al-Āthār, Kitāb al-Adab, Mā Dhukira Fī al-Raḥmah Min al-Thawāb, 5: 214: 25355), Abū Dāwūd di dalam Sunannya (Al-Sijistānī, 2000. Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Adab, Bāb Fī al-Raḥmah, 2: 828: 4943), Aḥmad di dalam Musnadnya (Ibn Ḥanbal, 1432H/2011M. Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal, Musnad °Abdullāh Bin °Amrū Bin al-°Aṣ RA, 3: 1366: 6605), al-Ḥākim (Ibn al-Bayyī, 1411H/1990M. Mustadrak °Alā al-Ṣaḥīḥain, Kitāb al-Birr Wa al-Ṣilah, Ḥadīth °Abdullāh Bin °Amrū, 4: 175: 7274) dan ramai lagi. Di mana kesemua tokoh hadis yang disebutkan telah meriwayatkan hadis ini tidak secara awwaliyyah bermula daripada Sufyān bin °Uyainah hingga kepada sahabat Nabi yang bernama °Abdullāh bin °Amrū bin al-°Aṣ RA.

Selain latar belakangnya diperselisihkan, kajian juga mendapati bahawa ulama hadis berbeza pandangan dalam menerima dan menolak periwayatan hadis yang disampaikan oleh Shamharūsh ini. Secara ringkas, penentuan ini dapat diklasifikasikan kepada empat pandangan. Yang pertama, terdapat sebahagian ulama hadis mengiktiraf beliau sebagai sahabat Nabi dan menerima periwayatan hadisnya. Kedua, sekumpulan ulama hadis tidak mengenali dan menemukan namanya di dalam mana-mana *Mu°jam Ṣaḥābah*, namun mereka menerima periwayatan jin secara umum. Ketiga, sebahagian ulama tidak membincangkan Shamharūsh sebagai sahabat tetapi menerima periwayatannya dalam urusan selain pensyariatian seperti bertabarruk dengan hadisnya. Dan keempat, sama sekali mereka tidak mengidentifikasikan beliau sebagai *aṣḥāb al-Nabī* dan menolak ke semua periwayatannya. Dalam hal ini, kajian menerima pandangan ketiga sebagai sandaran meskipun sebahagian redaksi hadisnya terdapat persamaan dengan jalur periwayatan yang lebih kuat statusnya.

## Latar Belakang Qāḍī Quḍāh Al-Jin Shamharūsh Al-Ṣaḥābī

Keterbatasan dan kekurangan sumber rujukan serta informasi berkenaan latar belakang jin yang bernama Shamharūsh ini menyebabkan maklumat yang diperolehi tidak bersifat menyeluruh. Selain itu, ulama hadis juga berselisih pandangan tentang statusnya sebagai sahabat Nabi kerana namanya tidak pernah direkodkan dan disenaraikan di dalam mana-mana helaian kitab dan *muʿjam* biografi sahabat Nabi sebagai perawi jin yang pernah bertemu dan meriwayatkan hadis daripada Nabi Muhammad SAW. Hal ini menyebabkan beliau dianggap sebagai entiti yang *majhūl* iaitu tidak diketahui sejarah hidupnya bersama Nabi secara jelas serta ketiadaan status *taʿdīl* atau *tarjīh* ke atas dirinya. Hanya keterangan mengenainya banyak ditulis di dalam catatan-catatan ulama yang mengaku bertemu dengannya dan kajian yang dihasilkan oleh sebahagian ahli sarjana atau pengkaji dari barat.

Kajian menemukan bahawa Shamharūsh dikenali dengan panggilan Abū Muḥammad, ʿAbd al-Raḥmān, Abū al-Walīd, ʿAbd al-Raʿūf atau juga digelar sebagai raja dan ketua hakim atau Qāḍī di kalangan golongan jin. Beliau juga dipanggil sebagai *Sidi Shamharūsh al-Ṭayyār* iaitu bermaksud jin penerbang (Mohammed Maarouf 2007:107). Menurut al-Qandusi (2017), beliau tergolong di kalangan sahabat Rasulullah SAW yang amat dihormati dan merupakan salah satu jin yang telah mendengar secara langsung bacaan al-Quran daripada Rasulullah SAW serta merupakan perawi jin yang masyhur dalam meriwayatkan hadis musalsal. Antara lain, al-Qandusi (2017) juga menghuraikan di dalam catatan nota kakinya bahawa Sheikh ʿAbd al-Kabīr al-Kattānī telah menulis dua buah kitab mengenai kewujudan Shamharūsh yang bertajuk *ʿMawāhib al-Raḥmān Fī Ṣuḥbah al-Qāḍī Abī Muḥammad ʿAbd al-Raḥmān* dan *ʿal-Maḥāsīn al-Fāshiyah ʿAn al-Āthār al-Shamharūshiyah*. Selain itu, kajian juga menemukan bahawa Ibn ʿAbd al-Salām al-Fāsī telah menghasilkan sebuah karya khusus tentang Shamharūsh dalam empat lembaran dengan judulnya *ʿTaʿlīf Fī Iḥbat Ṣuḥbah Shamharūsh al-Jinnī* (Al-Kattānī, 1982: 1: 848).

Disebutkan bahawa sebahagian ulama Afrika menyifatkannya dengan panggilan Syeikh Shamharūsh al-Jinnī. Menurut Kāṭī, terdapat pelbagai fakta yang luar biasa tentang Shamharūsh, antaranya ialah beliau adalah jin Muslim dan menghafal al-Quran tanpa melihat Mushaf. Dikatakan bahawa beliau pernah bertemu dan sempat mendengar perkhabaran daripada Rasulullah tentang hari kematiannya (Rashīq 2010:39).

Shamharūsh adalah entiti yang dianggap oleh ahli sufi sebagai sahabat Nabi dan hakim kepada bangsa jin. Meskipun namanya tidak pernah diketahui dan dikenali sebelum tahun 1110 H, banyak perkara kebaikan yang telah diajarkannya kepada manusia. Realiti kewujudannya tetap nyata dan terbukti berdasarkan kenyataan yang direkodkan oleh sebahagian ulama yang pernah bertemu beberapa kali dengannya seperti keterangan yang terkandung di dalam buku nota syeikh ʿUmar bin al-Makkiy berkenaan ijazah yang diperolehinya dari tulisan tangan Shamharūsh sendiri (Al-Kattānī 1425H/2004M:210).

Syeikh Muḥammad Khalīl Murād al-Ḥusainī melaporkan bahawa al-Muḥaddīth Aḥmad al-Manīnī pernah bersidang, membaca al-Quran, berjabat tangan dan mempererat tali persaudaraan dengan Shamharūsh sekitar tahun 1073 H (Al-Ḥusainī 1408H/1988M: 1: 134). Menurut Rashīq (2010:40), Shamharūsh merupakan anak murid kepada imam al-Bukhārī dan teman kepada syeikh ʿAbd al-Qāḍī al-Jīlānī serta beberapa orang masyāʾikh fuqahā. Bukan hanya daripada kalangan jin, bahkan pelajarnya juga merupakan di kalangan tokoh ulama dan seorang wali Allah yang terkenal iaitu syeikh ʿālim dari Kaherah iaitu Muḥammad bin Qurī.

Menurut al-Ḥusainī (1408H/1988: 1: 134), Abū al-Faḍl Muḥammad Khalīl telah membuktikan di dalam catatannya bahawa Shamharūsh telah wafat sekitar 300 tahun yang lalu. Berbeza pula dengan kajian Maarouf (2007:107), Dr. Mauchamp menyatakan bahawa mengikut anggaran *fuqha*, kematian Shamharūsh adalah sekitar tahun 1898 M setelah hidup selama 12 abad. Dermenghem juga berpandangan bahawa jenazah Shamharūsh disolatkan di *Bāb al-Futūḥ* (Rashīq 2010:33). R. Claisse-Dauchy pula menyatakan bahawa Shamharūsh adalah wali yang telah memeluk Islam pada zaman Nabi Muhammad dan meninggal dunia pada abad ke 19 M kerana menjadi mangsa balas dendam daripada jin (Maarouf 2010:595).

Dari sudut periwiyatan syeikh Shamharūsh al-Jinnī, al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī (1380 H) telah menghimpunkan sebanyak 12 riwayat hadis tidak termasuk cabang jalurnya yang bersambung kepada Rasulullah SAW dan beberapa pengarang kitab turath yang terkenal seperti *Ṣaḥīḥ al-*

*Bukhārī* dan *Alfiyah Ibn Mālik*. Antara periwayatannya yang masyhur ialah ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah (Al-Ḥasanī 1440H/2018M:84-125).

### **Analisis dan Sumber Sanad Ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah Riwayat Qāḍī Quḍāh Al-Jin Shamharūsh Al-Ṣaḥābī**

Seperti yang dinyatakan, sumber periwayatan ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah riwayat Shamharūsh ini diperolehi dari catatan dua tokoh sarjana hadis yang terkenal di Moroko. Di mana sumber periwayatan mereka berdua memiliki kelainan dari sudut rangkaian sanadnya. Analisis komparitif yang dinyatakan di dalam kajian ini tidak memfokus dan menghuraikan latar belakang setiap perawi sebaliknya untuk menjelaskan perbezaan rantaian sanad periwayatan dan kedudukannya yang *‘ālī* dan *nāzil* serta mengetahui status periwayatan yang disandarkan kepada jin ini. Untuk itu, keterangan periwayatan hadis yang disampaikan oleh dua tokoh sarjana hadis tersebut adalah seperti berikut:

#### 1. Periwayatan al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī (1380 H)

Al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī (1380 H) meriwayatkan hadis ini dari tiga jalur periwayatan yang berbeza daripada gurunya hingga ke Shamharūsh. Dan ke semua jalur periwayatan ini juga berlainan dari aspek nama perawi dan bilangan mereka hingga kepada Rasulullah SAW. Berikut adalah rantaian sanad periwayatan beliau hingga kepada Shamharūsh:

##### a) Rantaian sanad ‘Abd al-Qādir Shalabī al-Ṭarābulṣī

أَبَانَا عَبْد الْقَادِر شَلْبِي الطَّرَابُلْسِي، أَبَانَا أَبُو النُّصْر الخَطِيب، أَبَانَا عَمْر الغَزِي، أَبَانَا مُصْطَفَى  
بْن مُحَمَّد الرَّحْمَتِي، عَنْ عَبْدِ الْغَنِيِّ بْنِ إِسْمَاعِيلِ النَّابِلْسِيِّ عَنْ شَمْرُوشِ بْنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
قَالَ: الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى اِرْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُم مَّنْ فِي السَّمَاءِ

(Al-Ḥasanī, 1440H/2018M. Musnad al-Jin, Bāb Riwāyah al-Aḥādīth, Ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah, 97)

Maksudnya: Al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī berkata: Kami telah diberitahu oleh ‘Abd al-Qādir Shalabī al-Ṭarābulṣī, kami telah diberitahu oleh Abū al-Naṣr al-Khaṭīb, kami telah diberitahu oleh ‘Umar al-Ghizzī, kami diberitahu oleh Muṣṭafā bin Muḥammad al-Raḥmatī, daripada ‘Abd al-Ghaniy bin Isma‘īl al-Nābulusī, daripada Shamharūsh, daripada Nabi SAW bersabda: *Orang-orang yang pengasih akan dikasihi oleh Allah yang bersifat al-Raḥmān Tabāraka wa Ta‘ālā. Kasihanilah makhluk di bumi, nescaya kamu akan dikasihi oleh makhluk yang berada di langit.*

Sekiranya dinilai sanad periwayatan hadis ini, ternyata perantaraan al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī melalui gurunya hingga kepada Rasulullah SAW adalah seramai 6 individu perawi yang diriwayatkan secara berturutan tanpa terputus daripada Shamharūsh. Ternyata, bahawa sanad periwayatan ini adalah antara yang paling ringkas dan dekat dengan Rasulullah SAW yang dimiliki oleh al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī.

##### b) Rantaian sanad Muḥammad bin Maḥmūd al-Dumyāfī

أَبَانَا مُحَمَّدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ الدِّمِيَّاطِيِّ، قَالَ أَبَانَا مُحَمَّدُ بْنُ خَضِيرٍ، أَنَا عَبْدُ الْفَتْاحِ الْكُفْرَاوِيُّ، أَنَا عَبْدُ  
اللَّهِ الشَّرْقَاوِيُّ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سَالِمِ الْحَفْنِيِّ، عَنْ شَمْرُوشِ بْنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهِ

(Al-Ḥasanī, 1440H/2018M. Musnad al-Jin, Bāb Riwāyah al-Aḥādīth, Ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah, 97)

Maksudnya: Al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī berkata: Kami telah diberitahu oleh Muḥammad bin Maḥmūd al-Dumyāfī, beliau berkata: Kami diberitahu oleh Muḥammad bin Khuḍair, kami diberitahu oleh ‘Abd al-Fattah al-Kufrawī, kami diberitahu oleh ‘Abdullāh al-Sharqāwī, daripada Muḥammad bin Sālim al-Ḥafnī, daripada Shamharūsh, daripada Nabi SAW dengan hadisnya.

Hasil dari penelitian sanad periwayatan hadis kedua tanpa teks ini, ternyata sanadnya juga adalah antara yang paling ringkas, tidak panjang dan dekat dengan Rasulullah SAW. Jika dihitung, perantaraan beliau melalui jalur periwayatan gurunya ini hingga kepada Rasulullah SAW adalah seramai 6 individu perawi secara berturutan tanpa terputus.

## c) Rantainya sanad Khālid bin Muḥammad bin Muḥammad al-Anṣārī al-Himṣī

أنبأنا خالد بن محمد بن محمد الأنصاري الحمصي، قال أنبأنا بكري بن حامد العطار، أنبأنا أبي، أنبأنا مرتضى، قال حدثنا محمد بن محمد البلدي، وهو أول حديث حدثنا به، قال : حدثني به سليمان الشبرخيتي، وهو أول حديث حدثني به، قال : حدثني به محمد أبو القاسم الجزيري، وهو أول حديث حدثني به، قال : حدثنا به سلامة بن شعيب، وهو أول حديث حدثني به، قال : حدثني محمد بن جاكو الليثي، وهو أول حديث حدثني به، قال : حدثني به قاضي قضاة الجن شمهروش، وهو أول حديث سمعته منه، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى اِرْمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُم مِّنْ فِي السَّمَاءِ

(Al-Ḥasanī, 1440H/2018M. Musnad al-Jin, Bāb Riwayah al-Aḥādīth, Ḥādīth al-Raḥmah al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah, 97)

Maksudnya: Al-Ḥāfidh Aḥmad bin Muḥammad al-Siddīq al-Ghumārī berkata: Kami telah diberitahu oleh Khālid bin Muḥammad bin Muḥammad al-Anṣārī al-Himṣī, beliau berkata: Bakrī bin Ḥamid al-Attār telah memberitahu kepada kami bahawa ayahku telah memberitahu kepada kami, Murtaḍā telah memberitahu kami, beliau berkata: Muḥammad bin Muḥammad al-Balīdī telah menceritakan kepada kami dan ia merupakan hadis pertama yang disampaikan kepada kami, beliau berkata: Saya diceritakan oleh Sulaimān al-Shabrakhītī dan ia merupakan hadis pertama yang disampaikan kepada saya, beliau berkata: Saya diceritakan oleh Muḥammad al-Qāsīm al-Jazīrī dan ia merupakan hadis pertama yang disampaikan kepada saya, beliau berkata: Kami diceritakan oleh Salāmah bin Shu'ayb dan ia merupakan hadis pertama yang disampaikan kepada saya, beliau berkata: Saya diceritakan oleh Muḥammad bin Jākū al-Laithī dan ia merupakan hadis pertama yang disampaikan kepada saya, beliau berkata: Saya diceritakan (hadis ini) oleh Qādī Quḍāh al-Jin Shamharūsh dan ia merupakan hadis pertama yang saya dengari daripadanya, Shamharūsh berkata: Rasulullah SAW bersabda: *Orang-orang yang pengasih akan dikasihi oleh Allah yang bersifat al-Raḥmān Tabāraka wa Ta'ālā. Kasihanilah makhluk di bumi, nescaya kamu akan dikasihi oleh makhluk yang berada di langit.*

Dari hasil penelitian, jelas menunjukkan bahawa kedudukan periwayatannya hingga kepada Rasulullah SAW melalui perantara Shamharūsh adalah seramai 10 individu perawi secara bersambung tanpa terputus. Selain itu, di dalam sanadnya juga terdapat istilah yang dikenali sebagai *awwaliyyah* iaitu ungkapan yang bermaksud *hadis pertama yang disampaikan*. Secara metode, terminologi *awwaliyyah* ini terbahagi kepada dua bahagian.

Menurut al-Shahrī (1425H/2005M: 37), *awwaliyyah ḥaqiqiyyah* ialah hadis yang pertama kali didengari oleh pelajar daripada gurunya. Manakala *awwaliyyah idāfiyyah* pula ialah penerima hadis pernah mendengar apa-apa hadis lain sebelum mendengar hadis musalsal al-Awwaliyyah ini. Untuk itu, ulama hadis mengijazahkan hadis ini kepada pelajar dengan kaedah *samā'* secara *awwaliyyah idāfiyyah* sebagai syarat untuk melengkapkan konsep *tasalsul* atau rangkaian sanad tersebut.

## 2. Periwatannya al-Muḥaddīth Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Kattānī (1382 H/1962 M)

Berdasarkan rekod yang dicatat oleh al-Muḥaddīth Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Kattānī (1382 H/1962 M), hanya terdapat dua jalur periwatannya ḥādīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah yang dapat ditemukan daripada dua orang gurunya yang bersambung rantaian mereka berdua kepada jin Shamharūsh ini. Huraianannya adalah seperti berikut:

## a) Rantainya sanad Baṣrī al-Miknāsī

المعمر عبد العزيز بن حمزة المراكشي وهو أول حديث سمعته منه بالحرم تجاه الكعبة بالمكرمة عن الحافظ مرتضى الزبيدي بشرطه بأسانيده ومن أعربها وأعجبها سياقه له على هذه الصفة عن المذكور بشرطه عن الزبيدي وهو أول قال حدثنا به الشيخ محمد بن محمد البلدي وهو أول الخ قال حدثني به الشيخ سليمان الشبرخيتي وهو أول قال حدثنا به الجزيري وهو أول قال حدثنا به سلامة وهو أول قال حدثني به الليثي وهو أول قال حدثني به قاضي قضاة الجن شمهروش وهو

أول حديث سمعته منه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ تَبَارَكَ  
وَتَعَالَى اِرْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُم مَّن فِي السَّمَاءِ

(Al-Kattānī, 1982. Fihris Al-Fahāris Wa Al-Athbāt Wa Mu'jam Al-Ma'ājim Wa Al-Mashīkhāt Wa Al-Musalsalāt, Al-Ḥadīth al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah, 1: 233: 84)

Maksudnya: Baṣrī al-Miknāsī mendengar ḥadīth al-Awwaliyyah ini dengan syaratnya daripada al-Mu'ammār °Abd al-°Azīz bin Ḥamzah al-Marākishī, dan ia merupakan hadis pertama yang didengari daripadanya di al-Ḥaram di hadapan Ka'bah al-Mukarramah, al-Ḥāfiẓ Murtaḍā al-Zabīdī dengan syarat sanad-sanadnya. Al-Kattānī berkata: "Hadis ini memiliki sanad yang paling ganjil dan menakjubkan daripada urutan sanadnya berdasarkan sifat ini seperti yang disebutkan syaratnya daripada al-Zabīdī dan ia merupakan hadis pertama," Beliau berkata: Kami diceritakan (hadis ini) oleh syeikh Muḥammad bin Muḥammad al-Balīdī dan ia merupakan hadis pertama hingga ke akhirnya, berkata: Saya diceritakan (hadis ini) oleh syeikh Sulaimān al-Shabrakhīṭī dan ia merupakan hadis pertama, berkata: Kami diceritakan (hadis ini) oleh al-Jazīrī dan ia merupakan hadis pertama, berkata: Kami diceritakan (hadis ini) oleh Salāmah dan ia merupakan hadis pertama, berkata: Saya diceritakan (hadis ini) oleh al-Laithī dan ia merupakan hadis pertama, berkata: Saya diceritakan (hadis ini) oleh Qāḍī Quḍāh al-Jin Shamharūsh dan ia merupakan hadis pertama yang saya dengar daripadanya, Shamharūsh berkata: Rasulullah SAW bersabda: *Orang-orang yang pengasih akan dikasihi oleh Allah yang bersifat al-Raḥmān Tabāraka wa Ta'ālā. Kasihanilah makhluk di bumi, nescaya kamu akan dikasihi oleh makhluk yang berada di langit.*

Pada sanad hadis ini, al-Muḥaddith Muḥammad °Abd al-Ḥayy al-Kattānī telah meriwayatkan daripada gurunya yang bernama Baṣrī al-Miknāsī melalui periwatan Shamharūsh dengan perantaraan seramai 8 individu perawi hingga kepada Rasulullah SAW secara rangkaian tanpa terputus. Jika dibandingkan sanad hadis ini dengan periwatan yang ketiga seperti yang direkodkan oleh al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī, ternyata perawinya juga bertemu kepada al-Ḥāfiẓ Murtaḍā al-Zabīdī. Dan seterusnya ke semua perawinya adalah sama dan bersambung sehingga ke akhir sanad. Cuma, periwatan al-Muḥaddith Muḥammad °Abd al-Ḥayy al-Kattānī ini lebih dekat dengan Rasulullah s.a.w berbanding riwayat al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī yang jumlahnya seramai 10 individu. Selain sanadnya yang bersifat ganjil dan luar biasa, terdapat syarat yang dimaksudkan oleh al-Ḥāfiẓ Murtaḍā al-Zabīdī di dalam rantaian sanad ini iaitu kaedah pengambilan atau penerimaan hadis tersebut hendaklah dibuat secara *samā'* serta penyampaiannya sama ada secara *awwaliyyah haqiqiyyah* atau *idāfiyyah*.

b) Rantaian sanad Abī °Abdillāh Muḥammad Amīn al-Safarjalānī

روى فيه مؤلفه حديث الأولية عن علي الحلواني الرفاعي عن محمد بن مصطفى الرحمتي عن أبيه  
عن العارف النابلسي عن شمهروش الجني عن النبي صلى الله عليه وسلم

(Al-Kattānī, 1982. Fihris Al-Fahāris Wa Al-Athbāt Wa Mu'jam Al-Ma'ājim Wa Al-Mashīkhāt Wa Al-Musalsalāt, Ḥarf al-°Ain, 2: 871: 464)

Maksudnya: Abī °Abdillāh Muḥammad Amīn al-Safarjalānī meriwayatkan *ḥadīth awwaliyyah* ini di dalam karyanya daripada °Alī al-Ḥilwānī al-Rifā'ī daripada Muḥammad bin Muṣṭafā al-Raḥmatī daripada ayahnya daripada al-°Arif al-Nābulusī daripada Shamharūsh al-Jinnī daripada Nabi SAW.

Pada sanad kedua ini, perantara al-Muḥaddith Muḥammad °Abd al-Ḥayy al-Kattānī dengan Rasulullah SAW hanya seramai 5 individu perawi sahaja. Sekali gus menjelaskan bahawa rantaian sanad ini adalah yang paling tinggi dari riwayat yang direkodkan oleh al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī di dalam sanad yang pertama dan keduanya. Selain itu, al-Muḥaddith Muḥammad °Abd al-Ḥayy al-Kattānī juga meriwayatkan hadis ini tanpa menyatakan teksnya.

Perbincangan berkenaan ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah riwayat Qāḍī Quḍāh al-Jin Shamharūsh bagi periwatan kedua-dua tokoh hadis ini merangkumi 4 perkara berikut:

Pertama: Sifat *Taḥammul al-Ḥadīth* dan lafaz *al-Adā'*.

Menurut al-Ṭahḥān (1415:121), *taḥammul al-Ḥadīth* ialah keterangan cara mengambil atau menerima serangkap hadis daripada seorang syeikh. Oleh yang demikian, *taḥammul al-Ḥadīth* dan lafaz *al-Adā'* untuk ke semua rantaian sanad Ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah riwayat Qāḍī Quḍāh al-Jin Shamharūsh daripada dua tokoh ahli hadis terkemuka Moroko ini tidak jauh beza dari aspek sifat *samā'*nya.

Bagi rantaian sanad al-Hāfidh Ahmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī, sifat *taḥammul* hadisnya banyak menggunakan lafaz *anba'anā*, diikuti lafaz *ḥaddathanā* dan *ḥaddathanī*. Selain itu, terdapat juga pada periwayatan yang kedua penggunaan lafaz *anā*, iaitu istilah kependekan bagi perkataan *akhbaranā* dan lafaz *an* atau juga dikenali sebagai *al-Mu'an'an*. *Al-Mu'an'an* dapat diringkaskan sebagai satu label bagi proses pendengaran, penceritaan atau perkhbaran daripada seorang perawi yang meriwayatkan hadis kepada orang lain dengan syarat perawinya mesti wujud dan disebutkan nama-nama mereka. Menurut al-Maliki (2012:104), majoriti ulama hadis mengkategorikan hadis *mu'an'an* ini sebagai hadis *muṭṭasīl* atau *mawṣūl*, dengan syarat antara kedua rawi yang meriwayatkan menggunakan kata *an* itu masih sesama. Dan penggunaan kata *an* di sini tidak ada unsur *tadlīs*. Sedang menurut al-Bukhārī, Ibn al-Madīnī dan al-Shāfi'ī, tidak cukup sesama mereka sahaja, tetapi disyaratkan antara kedua rawi itu harus pernah bertemu. Dan hadis *mu'an'an* yang diriwayatkan oleh seorang rawi yang *tadlīs* hukumnya tidak dapat diterima.

Untuk periwayatan al-Muḥaddith Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Kattānī (1382 H/1962 M), sifat *taḥammul* dan *al-Adā'* bagi rantaian Baṣrī al-Miknāsī yang digunakan ialah lafaz *ḥaddathanā* dan *ḥaddathanī* sehingga ke Shamharūsh. Menurut al-Suyūṭī (1385H/1966: 2, 10), al-Khaṭīb menjelaskan bahawa lafaz *taḥammul al-Ḥadīth* yang paling tinggi dalam pengijazahan hadis ialah *sami' tu*, kemudian diikuti *ḥaddathanā*, *ḥaddathanī* dan *akhbaranā* kerana ke semua lafaz ini banyak digunakan. Selain itu, di dalam riwayat ini juga terdapat lafaz *awwaliyyah* dari awal sanadnya hingga kepada Shamharūsh. Manakala bagi rantaian sanad Abī 'Abdillāh Muḥammad Amīn al-Safarjalānī, sanadnya hanya menggunakan lafaz *al-mu'an'an* dari awal periwayatan hingga ke Shamharūsh.

Kedua: *Al-Khumāsiyyāh* al-Muḥaddith Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Kattānī.

Susunan sanad yang teratur seperti yang direkodkan oleh al-Muḥaddith Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Kattānī melalui rantaian Abī 'Abdillāh Muḥammad Amīn al-Safarjalānī merupakan sanad ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah yang paling ringkas dan tertinggi di dunia dengan perantaraan seramai lima individu hingga kepada Rasulullah SAW. Ternyata, rantaian sanad ini juga boleh dikenali sebagai *al-Khumāsiyyāh* al-Muḥaddith Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Kattānī kerana tingkatan taraf perawinya hampir kepada Rasulullah SAW. Berbeza dengan periwayatan yang disampaikan oleh al-Hāfidh Ahmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī melalui rantaian 'Abd al-Qādir Shalabī al-Ṭarābulsī dan Muḥammad bin Maḥmūd al-Dumyāfī, rantaian sanadnya bersambung hingga ke Rasulullah SAW hanya seramai enam individu.

Ketiga: Kesamaran manusia untuk melihat, berkumpul dan menukil ilmu hadis daripada jin.

Sekiranya dilihat dari aspek penggunaan lafaz *mu'an'an* dan *ḥaddathanī* yang digunakan oleh al-Laithī, 'Abd al-Ghaniy bin Isma'īl al-Nābulusī dan Muḥammad bin Sālim al-Ḥafnī yang meriwayatkan secara langsung hadis ini daripada Shamharūsh, jelas sifat *taḥammul* mereka dipertikaikan. Kesamaran yang berlaku pada sifat *taḥammul* mereka ini membawa kepada banyak persoalan dan andaian, antaranya ialah kekeliruan pada pertemuan mereka secara langsung bersama Shamharūsh, termasuk persoalan tentang isu bentuk rupanya dan bagaimana proses *mushāfahah* hadis ini dibentangkan. Ini kerana dasar pembuktian dan verifikasi kepada manusia untuk melihat, berkumpul dan menukil ilmu hadis daripada jin adalah ditolak oleh ramai ulama terutama di zaman mutakhir ini.

Meskipun latar belakang dan sejarah hidup al-Laithī tidak dijelaskan secara terperinci oleh kedua-dua tokoh sarjana hadis dari Moroko ini, namun al-Hāfidh Ahmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī mencatat namanya sebagai Muḥammad bin Jākū al-Laithī (Al-Ḥasanī 1440H/2018M:86). Manakala, al-Muḥaddith Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Kattānī pula merekodkan namanya sebagai Muḥammad bin Jākū al-Laithī (Al-Kattānī 1982M: 2: 704).

Menurut al-Ḥasanī (1440H/2018M:63) bahawa kumpulan Mu'tazilah dan imam al-Shāfi'ī mengingkari pengakuan manusia dalam melihat, berhimpun dan mengambil ilmu daripada jin melainkan ia hanya berlaku kepada para Nabi di zaman mereka. Al-Ḥasanī (1440H/2018M:63) juga menukil pandangan Ibn 'Asākir bahawa antara orang yang ditolak penyaksian dan tidak diterima keadilannya dalam meriwayatkan hadis ialah orang yang menyangka bahawa dia melihat jin tanpa syak dan mendakwa jin boleh memperdengarkan hadis kepada manusia.

Walaupun majoriti ulama menyatakan bahawa syarat isnad *al-mu'an'an* ini tidak perlu kepada pertemuan dan hanya memadai sezaman sahaja, namun kemunculan Shamharūsh sejak 300 tahun yang lalu



serta dakwaannya sebagai sahabat Nabi masih dipertikaikan. Al-Hāfidh Ibn Hajar merumuskan bahawa sekiranya seseorang mendakwa dirinya sebagai sahabat Nabi setelah 100 tahun kewafatan baginda, maka periwayatannya tidak diterima walaupun sebelum itu beliau dikenali sebagai seorang yang *‘ādil* (Al-Suyūfī 1385H/1966: 2: 213). Apatah lagi, sekiranya yang mendakwa sebagai sahabat itu adalah golongan jin yang muncul di zaman mutakhir ini dan tidak pula diketahui latar belakangnya.

Keempat: Status Shamharūsh dan hadisnya.

Menurut al-Kattānī (1424H/2003M:58) bahawa al-‘Allāmah al-Yifranī menafikan kewujudan nama Shamharūsh di dalam mana-mana *Mu‘jam Ṣaḥābah*. Namun begitu, beliau tidak mempertikaikan periwayatan hadis daripada jin kerana perhimpunan bangsa jin bersama Nabi SAW adalah biasanya secara tersembunyi.

Namun demikian, al-Kattānī (1424H/2003M:61) membantah periwayatan yang disandarkan kepada jin kerana ia tidak dapat dikenal pasti tentang keadilan mereka. Ini kerana keadilan merupakan syarat penting untuk digelar sebagai perawi yang thiqah lebih-lebih lagi kepada para sahabat. Asasnya adalah kerana terdapat hadis agar berwaspada terhadap syaitan-syaitan yang suka keluar bercerita hal yang menipu kepada manusia. Selain itu, al-Kattānī (1982M: 2, 849) menukil pandangan Ibn ‘Abd Salām bahawa periwayatan hadis daripada jin adalah maqbul dan boleh diterima. Beliau juga mengiktiraf Shamharūsh sebagai sahabat Rasulullah SAW dan tidak mengkritik status serta kedudukan sanad yang diriwayatkan oleh perawi jin ini.

Menurut Ibn ‘Aqīlah (1421H/2000M:85), periwayatan surah al-Fātihah yang disampaikan oleh Shamharūsh adalah tidak berkaitan langsung dengan mana-mana hukum, malah dibolehkan untuk bertabarruk dengan hadisnya di samping para imam yang terkemuka menerima sanadnya. Pandangan ini juga disokong oleh Muḥammad ‘Abd Al-Bāqī seperti yang direkodkan di dalam karyanya (Al-Ayyūbī 1403H/1983M:147). Meskipun al-Hāfidh Ahmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī meriwayatkan ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah daripada jin Shamharūsh ini, namun beliau berpandangan bahawa tidak syak lagi hadis ini adalah satu pendustaan, sama ada ia datang daripada jin ini atau direka oleh sebahagian daripada manusia (Al-Ḥasanī 1440H/2018M:97).

Ringkasnya, periwayatan hadis yang berbentuk ganjil, dakwaan mengaku sebagai sahabat Nabi setelah tiada lagi tempoh kewujudan mereka dan bersifat khayalan adalah ditolak dan tidak dapat diterima sama sekali.

## KESIMPULAN

Hubung kait antara periwayatan ḥadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah yang disampaikan melalui jalur sahabat yang bernama ‘Abdullāh bin ‘Amrū bin al-‘Aṣ RA dan Shamharūsh ini sememangnya sama dari aspek matannya, tetapi berbeza dari sudut latar belakang sahabat dan rangkaian perawinya. Selain itu, kemunculan Shamharūsh sejak 300 tahun yang lalu dan mendakwa dirinya sebagai sahabat Nabi daripada kalangan jin menyebabkan beliau dianggap sebagai entiti yang *majhūl*. Begitu juga status periwayatan hadisnya dihukumkan sebagai *ḥadīth bāṭil* kerana tidak mendasari dari konsep dalil yang sahih. Antara lain, periwayatan hadis yang disampaikan oleh Shamharūsh ini juga sama sekali tidak dapat dijadikan sebagai sokongan atau *shawāhid* kepada jalur periwayatan yang dilaporkan oleh ‘Abdullāh bin ‘Amrū bin al-‘Aṣ RA. Namun, berkemungkinan tujuan al-Muḥaddith Muḥammad ‘Abd al-Ḥayy al-Kattānī meriwayatkan hadis ini adalah untuk membentangkan rantaian sanadnya yang paling tinggi dan dekat dengan Rasulullah SAW walaupun terdapat perselisihan nama pada perawi yang bernama al-Laithī di samping hadis tersebut tidak mengaitkan dengan mana-mana hukum syariat Islam. Berbeza dengan al-Hāfidh Ahmad bin Muḥammad al-Ṣiddīq al-Ghumārī, sama sekali beliau menolak hadis periwayatan Shamharūsh di samping ketegasannya memberi peringatan kepada orang awam supaya tidak bermudah dalam menerima dan meriwayatkan sesuatu hadis tanpa rujukan yang kukuh dan sah.

## Rujukan

- Amiruddin, Nur Adilah, Fadlan Mohd Othman. 2016. Status Golongan Habib Sebagai Keturunan Nabi SAW. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah* 1(2): 15-24.
- Al-Ayyūbī, Muḥammad ‘Abd Al-Bāqī. 1403H/1983M. *Al-Manāhil Al-Silsilah Fī Al-Aḥādīth Al-Musalsalah*. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

- Al-Bukhārī, Muḥammad Bin Ismā'īl Bin Ibrāhīm Bin al-Mughīrah. T.th. *Al-Tārīkh Al-Kabīr*, Ḥaidar Ābād – Al-Dakkan: Dāirah Al-Ma'ārif Al-ʿUthmāniyyah.
- Al-ʿAbsī, Abū Bakr Bin Abī Shaibah ʿAbdullāh Bin Muḥammad Bin Ibrāhīm Bin ʿUthmān Bin Khuwastī. 1409H. *Al-Kitāb Al-Muṣannaf fī Al-Aḥādīth wa Al-Āthār*, Riyāq: Maktabah Al-Rushd.
- ʿAqīlah, Muḥammad Bin Aḥmad Bin Saʿīd Al-Ḥanafī Al-Makkī, Shams Al-Dīn, Al-Maʿrūf Ka Wālidīhi Bi. 1421H/2000M. *Al-Fawāid Al-Jalīlah Fī Musalsalāt Ibn ʿAqīlah*, Beirut: Al-Bashāir Al-Islāmiyyah.
- Al-Fāsī, Al-ʿAllāmah Muḥammad Bin Al-Ḥasan Al-Ḥajwī Al-Thaʿālabī. 1424H/2003. *Mukhtaṣar Al-ʿUrwah Al-Wuthqā Fī Masyīkhah Ahl ʿIlm Wa Al-Tuqā*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Fāsī, ʿAbd Al-Ḥafīz. 1930M. *Al-Āyāt Al-Bayyināt Fī Sharḥ Wa Takhrīj Al-Aḥādīth Al-Musalsalāt*, Fās: Al-Maṭbaʿah Al-Waṭaniyyah.
- Al-Ḥasanī, Al-Ḥāfidh Aḥmad Bin Muḥammad Al-Ṣiddīq Al-Ghumārī. 1440H/2018M. *Musnad Al-Jin*, Al-Maghrib: Al-Dār al-Baidāʿ.
- Al-Hindī, Muḥammad ʿAbd Al-Ḥayy Al-Laknawī. 1416H. *Zafar Al-Amānī Bi Syarḥ Mukhtaṣar Al-Sayyid Al-Sharīf Al-Jurjānī Fī Muṣṭalaḥ Al-Ḥadīth*, Edisi Ketiga, Ḥalab: Maktabah Al-Maṭbūʿat Al-Islamiyyah.
- Al-Ḥumaidī, Al-Imām Abī Bakr ʿAbdullāh Bin Al-Zubair Al-Qurashiy. 1996. *Musnad Al-Ḥumaidī*. Dimashq: Dār Al-Saqā.
- Al-Ḥusainī, Abū Al-Faḍl, Muḥammad Khalīl Bin ʿAlī Bin Muḥammad Bin Muḥammad Murād. 1408H/1988M. *Silk Al-Durar Fī Aʿyān Al-Qarn Al-Thānī ʿAsyr*, Dār Al-Bashāir Al-Islamiyyah, Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Al-Bayyī, Abū ʿAbdillāh Al-Ḥākim Muḥammad Bin ʿAbdillāh Bin Muḥammad Bin Ḥamduwaih Bin Nuʿaim Bin Al-Ḥakam Al-Ḍabbī Al-Ṭahmānī Al-Naisābūrī. 1411H/1990M. *Al-Mustadrak ʿAlā Al-Ṣaḥīḥain*, Beirut: Dār Al-Kutub Al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Ḥanbal, Al-Imām Aḥmad. 1432H/2011M. *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*, Jeddah: Dār Al-Minhāj.
- Al-Kattānī, Abū ʿAbdillāh Muḥammad Bin Abī Al-Faiḍ Jaʿfar Bin Idrīs Al-Ḥasanī Al-Idrīsī. 1424H/2003M. *Risālah Al-Musalsalāt*, Beirut: Dār Al-Kutub Al-ʿIlmiyyah.
- Al-Kattānī, Muḥammad ʿAbd Al-Ḥayy Bin ʿAbd Al-Kabīr Ibn Muḥammad Al-Ḥasanī Al-Idrīsī, Al-Maʿrūf Bi ʿAbd Al-Ḥayy. 1982M. *Fihris Al-Fahāris Wa Al-Athbāt Wa Muʿjam Al-Maʿājim Wa Al-Mashīkhāt Wa Al-Musalsalāt*, Beirut: Dār Al-Gharb Al-Islāmī.
- Al-Kattānī, Syaikh Al-Islām Al-Sharīf Abī ʿAbdillāh Muḥammad Bin Jaʿfar Bin Idrīs Al-Idrīsī. 1425H/2004M. *Salwah Al-Anfās Wa Muhādathah Al-Akyās Bi Man Aqbar Min Al-ʿUlamāʿ Wa Al-Ṣulahāʿ Bi Fās*, Dār Thaḳāfah.
- Maarouf, Mohammed. 2007. *Jinn Eviction as A Discourse Of Power*, Leiden, The Netherlands: Koninklijke Brill NV.
- Maarouf, Mohammed. 2010. *Saints And Social Justice in Morocco: An Ethnographic Case of The Mythic Court of Sidi Šamharūš*, Arabica, T. 57, Fasc. 5/6 (2010), pp. 589-670, Brill.
- Al-Maliki, Prof. Dr. Muhammad Alawi. 2012. *Ilmu Ushul Hadis*, Cetakan Ketiga, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Al-Qandūsī, Sīdī Muḥammad B. Al-Qāsim. 2017. *The Grand Elixir Of Invocations*, Translation by Abdul Aziz Suraqah, Qandusi Publications, hal. 10-11.
- Rashīq, Ḥasan. 2010. *Sīdī Shamharūsh Al-Tuqūsi wa Al-Siyāsī fī Al-Atlas Al-Kabīr*, Terjemahan oleh ʿAbd Al-Majīd Juḥfah dan Muṣṭafā Al-Nahhāl, Al-Maghrib: Afriqiyā Al-Sharq.
- Al-Shahrī, Dr. Yaḥyā B. ʿAbdullāh al-Bakrī 1425H/2005M. *Al-Nafḥah Al-Ilāhiyyah Fī Sharḥ Al-Ḥadīth Al-Musalsal Bi Al-Awwaliyyah*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Sijistānī, Al-Imām Al-Ḥāfīz Abī Dāwūd Sulaimān Bin Al-Ashʿath Al-Azdiy. 2000. *Sunan Abī Dāwūd*, Germany: Thesaurus Islamicus Foundation.
- Al-Suyūfī, ʿAbd Raḥmān Bin Abī Bakr. 1385H/1966. *Tadrīb Al-Rāwī Fī Sharḥ Taqrīb Al-Nawawī*, Tahqīq oleh ʿAbd Al-Wahhāb ʿAbd Al-Laṭīf, Edisi Kedua, Dār Al-Kutub Al-Ḥadīthah.
- Al-Ṭaḥḥān, Dr. Maḥmūd. 1415. *Taisīr Muṣṭalaḥ Al-Ḥadīth*. Al-Iskandariyyah: Markaz Al-Hudā li Al-Dirāsāt.
- Al-Tirmidhī, Al-Imām Muḥammad Bin ʿĪsā Bin Saurah. 2000. *Sunan Al-Tirmidhī*, Germany: Thesaurus Islamicus Foundation.